

# UTUSAN BIZ

ekonomi@utusan.com.my

UNIT BERITA EKONOMI | 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.  
E-mel: ekonomi@utusan.com.my | Twitter: @utusanbiz | Laman web: www.utusan.com.my

<b>KUALA LUMPUR</b> (Indeks Komposit) ➔ <b>(+14.26) mata</b> 1,650.76	<b>SINGAPURA</b> (Straits Times) ➔ <b>(-25.24) mata</b> 3,117.76	<b>TOKYO</b> Nikkei ➔ <b>(-364.34) mata</b> 20,601.19	<b>NEW YORK</b> Dow Jones ➔ <b>(-43.47) mata</b> 25,169.88
--	---	--	---

## TUKARAN MATA WANG ASING

30.05.2019

<b>DOLAR</b> 4.1890/1920	<b>POUND</b> 5.2836/2980	<b>EURO</b> 4.6691/6741	<b>RIYAL (100)</b> 111.7007/7867
<b>YEN</b> 3.8505/8536	<b>DOLAR</b> 3.0404/0436	<b>RUPIAH (100)</b> 0.0293/0294	<b>THB (100)</b> 13.2312/2491

# Hala tuju ekonomi perlu jelas

**UTUSAN:** Situasi pasaran saham dan kewangan agak mencabar untuk tempoh beberapa bulan kebelakangan ini. Adakah ia menjejaskan kemasukan syarikat MNC ke Greater KL?

Ketika ini kami melihat masih terdapat minat daripada para pelabur dan kami di InvestKL berurusan dengan MNC Fortune500, syarikat-syarikat *unicorn* serta syarikat dengan pertumbuhan yang tinggi.

Minat terhadap Malaysia masih ada sama ada untuk melabur atau menubuhkan hab di Kuala Lumpur, juga bagi melihat peluang pengembangan di rantau ini dan sebagainya, tetapi ia agak mencabar kerana ketidakpastian luaran seperti perang perdagangan, Brexit, Pilihan Raya Umum Kesatuan Eropah dan sebagainya memberi kesan terhadap keputusan pelabur.

### Apakah sasaran InvestKL tahun ini?

Untuk tahun ini, kami memfokuskan kepada tiga perkara iaitu Industry4WRD, kemudahan menjalankan perniagaan dan penglibatan ekosistem MNC yang lebih mendalam.

Bagi Industry4WRD, ia adalah selari dengan rangka kerja Industri 4.0 yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri manakala kemudahan menjalankan perniagaan pula kita fokuskan untuk meningkatkan

## MUKADIMAH



Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dengan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China serta Brexit, Malaysia masih menjadi pilihan syarikat multinasional (MNC) global antarabangsa bagi pembukaan hab serantau.

Malah, masih ada banyak syarikat *unicorn* global lain yang turut mengumumkan pelaburan mereka di Malaysia termasuklah memindahkan operasi dari negara yang mempunyai kos ekonomi tinggi ke negara yang sederhana kos ekonominya seperti Malaysia.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **NABILA YAMIN RAZIB** mendapatkan Ketua Pegawai Eksekutif InvestKL, **DATUK ZAINAL AMANSHAH** untuk bercakap mengenai cabaran-cabaran semasa, sasaran serta apa yang diharapkan pelabur untuk terus membuat pelaburan yang signifikan di Malaysia.

## 5 SOALAN

Kita menyoal untuk mencari 13 MNC tahun ini dan sekarang, kami berada di landasan untuk mencapai sasaran 100 buah MNC menjelang 2020."

ZAINAL AMANSHAH

daya saing melalui 5C iaitu Kejelasan, Kepastian, Konsistensi, Kesyukuran dan Keyakinan (*Clarity, Certainty, Consistency, Continuity, Confidence*).

Selain itu, kita menyoal untuk mencari 13 MNC tahun ini dan sekarang, kami berada di landasan untuk mencapai sasaran 100 buah MNC menjelang 2020.

Setakat 31 Disember 2018 kita telah merekodkan sebanyak 78 buah syarikat MNC yang tertarik dengan InvestKL bersama jumlah pelaburan sebanyak RM11.7 bilion sejak 2011.

Sektor dan negara manakah yang berpo-

### tensi menghasilkan pelaburan besar ke Malaysia?

Antara sektor-sektor yang disasarkan adalah teknologi pengguna, alat perubatan, automasi industri, e-dagang, tenaga dan tenaga boleh diperbaharui serta teknologi pintar.

Dari segi negara pula, InvestKL berhasrat memperluaskan pasaran negara-negara yang belum diterokai antaranya China, India dan Amerika Latin. Kita ada syarikat MNC dari China tetapi disebabkan pasarnya terlalu besar, kami belum berjaya meneroka sepenuhnya pasaran negara berkenaan.

Adakah perang dagangan antara AS dan China memberi impak

### kepada InvestKL?

China merupakan rakan dagang Malaysia terbesar sejak 10 tahun lalu dan begitu juga Malaysia yang merupakan rakan dagang kedua terbesar dalam kalangan negara ASEAN. Dari segi impak, kita belum menerima kesan yang begitu signifikan tetapi melihat kesungguhan China dan ASEAN dalam mengukuhkan hubungan pembangunan ekonomi, meningkatkan kehidupan rakyat dan menikmati kesejahteraan kami, pasti ia sedikit sebanyak dapat membantu memulihkan kesan-kesan daripada perang perdagangan ini.

Menurut laporan *Bloomberg*, dana global tidak berminat dengan Malaysia seterusnya memihak kepada pasaran lain. Saham men-

catat pengaliran keluar hampir dalam kesemua 12 bulan lalu. Adakah ia menjejaskan kemasukan syarikat multinasional atau pelabur ke negara ini?

Laporan *Bloomberg* itu merujuk kepada pasaran modal secara amnya dan ia tidak memberi kesan signifikan kepada kami. Bagaimanapun, apabila ia melibatkan ringgit, ia sedikit sebanyak memberi kesan, namun, mata wang tempatan tidaklah begitu lemah dan kami tidak menerima sebarang maklum balas atau komen daripada syarikat multinasional mengenai hal ini. Namun begitu, apa yang pasti pelabur mahukan arah tuju ekonomi yang jelas daripada kerajaan kerana dengan dasar-dasar ekonomi dan perniagaan itu ia akan menjadikan Malaysia lebih baik untuk pelabur.

